



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NILAI-NILAI INTELEKTUAL DALAM DRAMA ISMAIL KASSAN

FAIZAH BINTI JALAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSFAH (PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini membincangkan Nilai-nilai Intelektual dalam Drama Ismail Kassan. Pengkaji telah menggunakan sepuluh drama Ismail Kassan sebagai teks kajian iaitu "Pelayaran Inderaputra II", "Sabda Sang Pendeta", "Syajar", "Menanti Puteri Hijau", "Istiqamah", "Gelanggang Tuk Wali", "Dejavu Seorang Perempuan", "Kilung Musung", "Kembang Cempaka Sari" dan "Bukan Dejavu". Objektif kajian ialah mengenalpasti nilai-nilai murni berdasarkan ciri-ciri watak baik dan intelektual dalam drama Ismail Kassan. Selain itu, menganalisis nilai-nilai intelektual berdasarkan nilai-nilai murni dan ciri-ciri Aspirasi Murid dalam drama Ismail Kassan. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif dan analisis teks dengan menggunakan teori *Gagasan Persuratan Baru* oleh Mohd Affandi Hassan yang menekankan prinsip watak-watak baik, yang mendokong ilmu dan kebijaksanaan. Nilai-nilai intelektual adalah berdasarkan 17 nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Aspirasi Murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Hal demikian bertitik-tolak daripada kejayaan drama-drama Ismail Kassan yang telah memenangi anugerah dalam pelbagai pertandingan yang dianjurkan. Selain itu, Ismail Kassan merupakan salah seorang penerima *S.E.A Writes Awards Malaysia* ke-34 pada tahun 2012. Masalah kajian ialah murid kurang memahami nilai-nilai intelektual yang terkandung dalam drama. Seterusnya, drama kurang dihayati kerana mempunyai kepelbagaian corak dan aliran yang menyebabkan murid-murid kurang berminat untuk mempelajari drama khususnya drama KOMSAS. Dapatan kajian menunjukkan nilai-nilai intelektual adalah berdasarkan nilai-nilai murni dan ciri-ciri yang diaspirasikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dengan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi. Implikasinya, kajian ini mendapati drama-drama Ismail Kassan dapat melahirkan generasi intelektual pada abad ke-21 dan mengangkat martabat kesasteraan Melayu di tanah air khususnya genre drama ke peringkat antarabangsa.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

INTELLECTUAL VALUES IN ISMAIL KASSAN'S DRAMA

ABSTRACT

This dissertation discusses the Intellectual Values in Ismail Kassan's Drama. The researcher uses ten of Ismail Kassan's dramas as research texts. Those dramas are "Pelayaran Inderaputera II", "Sabda Sang Pendeta", "Syajar", "Menanti Puteri Hijau", "Istiqamah", "Gelanggang Tuk Wali", "Dejavu Seorang Perempuan", "Kilung Musung", "Kembang Cempaka Sari" and "Bukan Dejavu". The objective of this research is to identify the ethical values in the exemplary and intelligent characters found in the dramas. In addition, the researcher will also analyse the intellectual values based on the ethical values and student aspirations, in Ismail Kassan's dramas. The researcher uses the qualitative approach and text analysis from *Gagasan Persuratan Baru* Theory (Genuine Literature or PB) by Mohd Affandi Hassan which emphasizes on the principles of good characters and prioritises on knowledge and wisdom. Intellectual value is one of the 17 moral values in the National Education Philosophy and the second student aspiration in the Malaysia Education Blueprint. As expected, the intellectual value in Ismail Kassan's dramas is one of the contributing factors to the success of his dramas in various competitions. Unsurprisingly, Ismail Kassan was one of the recipients of the 34th S. E. A. Writers Award in Malaysia in 2012. The finding of this research shows that intellectual values are based on the ethical or moral values and student aspirations in the Malaysia Education Blueprint, which places great emphasis on the process of acquiring the high order thinking skill. Thus, the significant implication of this study is produce a generation of 21st. century intellectuals who will put the Malay literature, especially the drama genre on a pedestal, and becoming renowned internationally.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	9
1.3 Penyataan Masalah	13
1.4 Kepentingan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	21
1.6 Soalan Kajian	22
1.7 Batasan Kajian dan Pemilihan Bahan	22
1.8 Definisi Konsep dan Operasional	25



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vii

1.8.1	Nilai	25
1.8.2	Intelektual	31
1.8.3	Ciri-ciri Aspirasi Murid	34
1.8.4	Nilai Intelektual	39
1.8.5	Drama	40
1.8.6	Teori Gagasan Persuratan Baru	42
1.8.7	Kaedah Kajian	44

Bab 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	47
2.2	Tinjauan Literatur	48
2.3	Rumusan	72

Bab 3 METODOLOGI KAJIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
74

3.1	Pengenalan	74
3.2	Reka Bentuk Kajian	75
3.3	Kaedah Kajian	77
3.3.1	Kajian Kepustakaan	77
3.3.2	Kajian Teks	78
3.4	Kerangka Analisis	79

Bab 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	83
4.2	Analisis dan Perbincangan	84
4.2.1	Nilai Kerjasama	85
4.2.2	Nilai Kesedaran	105
4.2.3	Nilai Hormat-menghormati	122



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



4.2.4 Nilai Keberanian	132
4.2.5 Nilai Keadilan	143
4.2.6 Nilai Kejujuran	155
4.2.7 Nilai Kebebasan	166
4.2.8 Nilai Kerajinan	174
4.2.9 Nilai Kasih sayang	183
4.2.10 Nilai Kesyukuran	194
4.2.11 Nilai Rasional	200
4.2.12 Nilai Semangat Bermasyarakat	205
4.2.13 Nilai Hemah Tinggi	209
4.2.14 Nilai Cinta Kepada Negara	213
4.2.15 Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental	219
4.2.16 Nilai Baik Hati	222
4.2.17 Nilai Berdikari	225
4.3 Rumusan Analisis Perbincangan	226

Bab 5 KESIMPULAN DAN PENUTUP

5.1 Pengenalan	296
5.2 Dapatan Kajian	297
5.3 Cadangan	300
5.3.1 Kementerian Pendidikan Malaysia	301
5.3.2 Model Perniagaan Drama	303
5.3.3 Modul i-Think	307
5.3.4 Penulisan Skrip	308
5.3.5 Peranan Badan/ Pertubuhan/ Individu	309





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ix

5.4 Penutup

312

RUJUKAN

313

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
1.1 Kajian Drama Ismail Kassan Mengikut Aliran	10
1.2 Teks/Antologi Drama Ismail Kassan Yang Dikaji	23
4.1 Statistik Anggaran Pekerja Asing Sah Mengikut Warganegara –Tempoh 270 Kajian Sehingga Jun 2006 (Sumber Jabatan Imigresen MALAYSIA)	261



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Ubahsuai Sejarah Perkembangan Drama di Malaysia, Mana Sikana (2006:1-29)	8
3.1 Reka Bentuk Kajian	76
3.2 Kerangka Teori Kajian	82



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

SENARAI SINGKATAN

ASWARA Akademi Seni Kebangsaan Warisan Negara

DBP Dewan Bahasa dan Pustaka

DEB Dasar Ekonomi Baru



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

FPK Falsafah Pendidikan Kebangsaan

HOKA Pemikiran Otak Kanan

HOKI Pemikiran Otak Kiri

i-Think *innovative Thinking*

KBAT Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

KBSM Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

KBSR Kurikulum Baru Sekolah Rendah

KEKKWA Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii**KOMSAS** Komponen Sastera Melayu**KPM** Kementerian Pendidikan Malaysia**MAKUM** Festival Majlis Teater Antara Universiti**PATI** Pendatang Tanpa Izin**PMR** Penilaian Menengah Rendah**PPK** Pusat Perkembangan Kurikulum**PPPM** Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia**PT3** Penilaian Tingkatan 3

05-4506832



RTM pustaka.upsi.edu.my Radio Televisyen Malaysia

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SPM Sijil Pelajaran Malaysia**STPM** Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia**TEMA** Majlis Teater Kebangsaan**UKM** Universiti Kebangsaan Malaysia**UM** Universiti Malaya**UPEN** Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor**UPSI** Universiti Pendidikan Sultan Idris

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
1

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Sejarah perkembangan drama di Tanah Melayu bermula dengan seni gerak.

Menurut Mana Sikana (1989:4) seni gerak itu pula rapat hubungannya dengan upacara keagamaan atau *ritual*. Ketika itu masyarakat Melayu amat menghormati dan memuja roh nenek moyang. Mereka melakukan pelbagai upacara keagamaan seperti “Main Puteri”, “Puja Pantai” dan “Main Ancak”. Kepercayaan animisme dan pengaruh *Hinduisme* yang bertapak di Tanah Melayu sejak kurun ke-13 telah menyumbang perkembangan drama di tanah air. Proses sosialisasi masyarakat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



telah menimbulkan satu dinamisme yang bercampur-aduk dan kompleks (Rahmah Bujang, 1994:9). Hal ini disebabkan masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama. Tambahan pula, kebudayaan masyarakat Melayu turut dipengaruhi oleh penjajahan seperti Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun. Secara tidak langsung mencetus pemikiran baharu dalam menerima corak kebudayaan dan adat resam yang ditinggalkan. Pengubahsuaian tersebut menggambarkan keintelektualan masyarakat dalam mencipta kesenian baharu.

Perkataan drama muncul hasil daripada perkataan Greek iaitu *dramoi*. “Dra” bermaksud gerak dan “moi” bermaksud lakon (Mana Sikana, 1987:5). Perbuatan gerak dan lakon menjadi lebih berseni apabila mereka melakukan aktiviti tersebut dengan penuh apresiasi. Mereka menggunakan daya keintelektualan untuk mengadun sesuatu kegiatan dengan cerita, nyanyian, tarian, dan lakonan. Menurut Abdul Rahman Napiah (1987:62) alat muzik yang mengiringi persembahan ialah rebab, gendang, sepasang tawak-tawak dan serunai. Tujuan utama ialah meneruskan khazanah nenek moyang dan upacara keagamaan. Lama-kelamaan berubah menjadi seni hiburan kerana keintelektualan mereka dalam menyampaikan kegiatan tersebut.

Sejarah awal drama bermula dengan wayang kulit, makyung, jikey, menora, mek mulung, boria, randai, bangsawan dan sandiwara. Ketika Perang Dunia Kedua meletus dan Jepun berjaya menawan Tanah Melayu (1941-1945), seni persembahan drama bangsawan mulai merosot. Pihak Jepun telah mengenakan kawalan yang ketat kepada setiap kumpulan yang ingin membuat persembahan. Mereka perlu menghantar rangka cerita kepada Jepun sebelum





dipentaskan. Selain masalah kewangan dan kesempitan hidup, faktor mendapat kelulusan dalam pementasan juga mempengaruhi kumpulan bangsawan tidak aktif. Akhirnya, bangsawan digantikan dengan sandiwara.

Kemunculan sandiwara pada 1940-an telah memberi sumbangan yang besar kepada sejarah kesusasteraan tanah air. Hal ini disebabkan pementasan sandiwara menggunakan skrip berbanding pementasan bangsawan yang dilakukan secara bebas dan boleh ditokok tambah mengikut kesesuaian. Perkataan sandiwara atau tonil (di Indonesia) telah dicipta oleh PKG Mangkunegara VII. Perkataan “sandhi” bererti rahsia dan “warah” bererti pengajaran. Sandiwara kemudiannya disebut “sandiwara” yang bermaksud rahsia perjuangan (Manu Sikana, 2006:15). Melaluinya, pengkarya dapat melahirkan



idea dan ka

Apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948, pementasan sandiwara bertambah rancak. Orang-orang Melayu yang diketuai Dato' Onn Jaafar telah menggunakan pementasan bangsawan-sandiwara sebagai saluran maklumat untuk berjuang menuntut kemerdekaan. Semangat nasionalisme telah melahirkan ramai penulis berjiwa patriotik. Antaranya ialah Shaharom Hussain drama “Lawyer Dahlan” atau dikenali “Kacang Lupakan Kulit” (1941), Ahmad Murad Nasaruddin “Anak Derhaka” (1951), Fatimah Abdul Wahab “Megat Terawis” (1951), Kalam Hamidy “Setangkai Tak Sebau” (1958), dan Usman Awang “Malam Kemerdekaan” (1959). Selain itu, drama “Si Bongkok





Tanjung Puteri” turut diangkat menjadi drama terbaik Shahrom Hussain. Drama “Anak Nazar Tujuh Keramat” karya Kalam Hamidy pula terkenal dengan gaya puryawara dan prarealisme. Menurut Mana Sikana (2006:18), gaya penulisan Shahrom Hussain dikagumi kerana pemikiran nasionalisme dan keutuhan tekniknya. Misalnya watak Si Bongkok menjadi masyhur kerana mempertahankan negerinya dari dijajah Inggeris.

Dekad 1960-an, telah membuka lembaran baharu dalam sejarah perkembangan drama Melayu. Bentuk yang dihasilkan ialah drama realisme. Pengkarya menggarap idea tentang kehidupan masyarakat seharian seperti pendidikan, cinta, kasih sayang, akal, budi, keagamaan, keharmonian hidup di desa dan kepincangan hidup di kota. Hal demikian disebabkan masyarakat telah didekah dengan institusi pendidikan. Secara tidak langsung meningkatkan daya keintelektualan masyarakat dalam pelbagai bidang. Pelopor drama realisme ialah Kala Dewata atau Mustapa Kamil Yassin yang terkenal dengan drama “Atap Genting Atap Rumbia” (1963), “Bintang Alam dan Bintang Neon” (1965), “Manusia Hina” (1966). Seterusnya, Hatta Azad Khan drama “Di Balik Tabir Harapan” (1966), “Titik-titik Perjuangan” (1966), “Buat Menyapu Si Air Mata” (1963), Usman Awang “Dari Bintang Ke Bintang” (1965), “Gendang Kosong” (1965), “Bulan Tetap Bersinar” (1965), “Sayang Sayup Ke Bintang” (1965), “Hatinya Dibawa Pergi” (1965), “Tamu Di Bukit Kenny” (1968), “Degup Jantung” (1969), “Menyerahnya Seorang Perempuan” (1969), “Menjelang Takbir” (1969), “Serunai Malam” (1969), “Betisnya Bunting Padi” (1969) serta A. Samad Said “Di Mana Bulan Selalu Retak” (1965). Kesimpulannya, drama





realisme menekankan aspek kehidupan realiti masyarakat sebenar dalam drama-drama yang dipentaskan.

ahun 1970-an menyaksikan drama bentuk surrealisme dan absurdisme.

Menurut Mana Sikana (2006:26), drama surrealisme mempunyai falsafah dan bebas daripada pengaruh barat. Dalam erti kata lain, drama surrealisme ialah drama Melayu yang mempunyai matlamat dan berkonsepkan budaya Melayu. Drama realisme memasukkan unsur tradisional seperti muzik, nyanyian, tarian dan teknik pementasan terkini. Antara drama surrealisme yang terkenal ialah “Alang Retak Seribu” (1973), “Tok Perak” (1975) dan “Desaria” (1978) karya Syed Alwi Syed Hassan, “Bukan Lalang Ditiup Angin” (1970) dan “Tiang Seri Tegak Berlima” (1970) karya Noordin Hassan, “Protes” (1972), “Jebat” (1974)



Jaafar. Menurut Eka D. Sitorus (2003:17), drama menjadi popular kerana pengkarya berjaya memasukkan unsur mimpi, fantasi dan ramalan masa depan. Ciri-ciri tersebut telah memberi kelainan dalam drama realisme kerana wujudnya gaya pemikiran baharu dalam drama.

Seterusnya, drama bentuk absurdisme yang mendapat pengaruh Barat.

Akan tetapi, drama absurdisme di Malaysia telah diubahsuai mengikut budaya Melayu dengan mengambil kira aspek keagamaan, tatasusila dan cara hidup masyarakat Malaysia. Proses berkarya dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan, corak pemikiran, pergaulan atau pengalaman semasa tinggal di negara Barat. Tokoh terkenal aliran absurdisme di negara Barat ialah Albert Camus (Mana Sikana:1985:8). Beliau menyatakan absurdisme ialah ‘tidak masuk





akal'. Manakala Mana Sikana (2006:29) menjelaskan drama absurdisme di Malaysia sukar difahami dan dihayati. Hal ini menjurus kepada suasana persekitaran masyarakat yang mempengaruhi kehidupan pengkarya. Antaranya ialah kreativiti, proses mengarang dan corak pemikiran. Secara tidak langsung, menunjukkan tahap keintelektualan dalam berkarya.

Tokoh yang dianggap pelopor drama absurdisme ialah Noordin Hassan dengan dramanya "Bukan Lalang Ditiup Angin" (1970). Selain itu, karya Hatta Azad Khan ialah "Mayat" (1979), "Patung-patung" (1978), "Stesen" (1978) dan "Kerusi" (1978). Karya Johan Jaafar pula ialah drama "Angin Kering" (1976) dan "Sang Puteri" (1976). Dinsman dengan drama "Bukan Bunuh Diri" (1988). Usman Awang pula terkenal dengan drama muzikal "Uda dan Dara" (1976).



Pentas anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1978 ialah Mana Sikana dan Anuar Nor Arai. Drama popular Mana Sikana ialah "Mustaqima" dan "Santagodna" manakala Anuar Nor Arai dengan dramanya "Vakum" dan "Si Pemacak". Keseluruhannya, drama bercorak absurdisme membawa identiti baharu dengan mengemukakan konsep serta falsafah hidup masyarakat Malaysia. Kesannya, wujud percambahan idea dalam kalangan masyarakat khususnya golongan intelektual dalam memperkatakan sejarah perkembangan drama tanah air.

Drama 1980-an hingga 1990-an tidak ada aliran yang khusus. Merujuk kajian yang dijalankan oleh Mana Sikana (2006:29) pengkarya kembali kepada aliran realisme atau sandiwara. Hal ini disebabkan drama surrealisme dan






absurdisme disalahafsir. Penonton sukar memahami karya yang terlalu abstrak. Oleh itu, ramai penulis telah menjadikan drama realisme dan sandiwara sebagai dasar cerita. Perubahan ini telah menjadikan zaman 1980-an dan 1990-an era kesinambungan drama realisme, bangsawan dan sandiwara. Antara penulis yang terkenal ialah Johan Jaafar dengan drama “Sang Puteri”, (1982), “Arah Ke Mana” (1984), “Hujan Malam” (1986), “Pemain” (1987), “Hari-hari Terakhir Seorang Seniman” (1988) dan “Langit Petang” (1991). Ismail Kassan pula popular dengan drama “Pelayaran Inderaputra II” (1979), “Menanti Puteri Hijau” (1988), “Istiqamah” (1990), dan “Gelanggang Tuk Wali” (1997).

Kesimpulannya, sejarah perkembangan drama Melayu dapat dilihat dalam rajah 1.1 yang menggambarkan proses perkembangannya kepada dunia kesasteraan ptanah mair. Drama Melayu mengalami perubahan dari segi corak persembahan, aliran dan pemikiran seiring dengan proses ketamadunan manusia. Sehubungan itu mempunyai perkaitan dengan nilai-nilai intelektualisme.





Rajah 1.1. Ubahsuai Sejarah Perkembangan Drama Di Malaysia, Mana Sikana (2006:1-29)





1.2 Latar Belakang Kajian

Sejajar dengan tajuk kajian “Nilai-nilai Intelektual dalam Drama Ismail Kassan”, pengkaji telah mengklifikasikan drama-drama tersebut mengikut aliran sejarah perkembangan kesusastraan Melayu Moden. Menurut Mana Sikana (2009:7), terdapat aliran drama seperti simbolisme, surrealisme, eksistensialisme dan absurdisme.

Merujuk drama Ismail Kassan, terdapat empat jenis aliran drama iaitu realisme (1960-an) yang mewakili drama “Dejavu Seorang Perempuan” dan “Bukan Dejavu”. Aliran surrealisme (1970-an) ialah drama “Pelayaran Inderaputra II”. Manakala aliran absurdisme (1980-an) pula, terdapat tiga buah drama iaitu “Al-Syajar”, “Istiqamah” dan “Menanti Puteri Hijau”. Mana Sikana (2009:291), aliran *new historicism* (1990-an hingga kini) adalah aliran pascamoden yang berteraskan tradisi, sejarah dan sosialisasi masyarakat yang menghidupkan semula hubungan sejarah dengan dunia sastera. Terdapat empat buah drama dalam kumpulan ini iaitu “Sabda Sang Pendeta”, “Gelanggang Tuk Wali”, “Kilung Musung” dan “Kembang Cempaka Sari”.

Jadual 1.1 menunjukkan aliran realisme, surrealisme, absurdisme dan *new-historicism* dalam sepuluh drama Ismail Kassan. Hal demikian menunjukkan kecenderungan Ismail Kassan berkarya dipengaruhi oleh isu-isu semasa dan penyesuaian mengikut zaman aliran tersebut. Secara tidak langsung menerapkan daya sensitiviti keintelektualan pelbagai kaedah bagi memantapkan karya.





Jadual 1.1

Kajian Drama Ismail Kassan Mengikut Aliran

Tahun	Aliran	Jumlah	Nama Drama
1960-an	Realisme	2	- "Dejavu Seorang Perempuan" (1999) - "Bukan Dejavu" (2008)
1970-an	Surrealisme	1	- "Pelayaran Inderaputra II" (1979)
1980-an	Absurdisme	3	- "Al-Syajar" (1977) - "Istiqamah" (1990) - "Menanti Puteri Hijau" (1991)
1990-an hingga kini	<i>New-Historism</i>	4	- "Sabda Sang Pendeta" (1980) - "Gelanggang Tuk Wali" (1997) - "Kilung Musung" (2001) - "Kembang Cempaka Sari" (2008)



Menurut Mana Sikana (2009:57), pada tahun 1960-an, kegiatan drama realisme dikuatkan dengan kesedaran sosial semasa seperti kepentingan terhadap pelajaran, perjuangan kebangsaan dan kemajuan dalam pembangunan negara yang berkisar pada kehidupan seharian. Dua buah drama yang ditulis oleh Ismail Kassan bagi mewakili aliran realisme ialah drama "Dejavu Seorang Perempuan" (1999) dan "Bukan Dejavu" (2008). Drama bercorak realisme masih mendapat tempat dalam kalangan khalayak walaupun sudah melangkaui zamannya. Tahun-tahun 1970-an telah menimbulkan satu semangat baharu dalam kalangan penulis untuk berkarya. Unsur realisme sudah kurang diminati kerana dirasakan kurang mencabar. Masalah keluarga sebagai pokok persoalan sosial dianggap terlalu sempit dan mengongkong. Tahun 1970-an menampilkan golongan dramatis muda yang mempunyai daya kreativiti tersendiri. Mereka lebih cenderung kepada persoalan-persoalan kemanusiaan sejagat. Menurut Rahmah Bujang (1994:12),





pementasan drama pada dekad 1970-an dan 1980-an bersifat surrealisme dan absurdisme. Pengkarya telah menggunakan lambang atau simbol bagi membicarakan masalah. Oleh itu, pentas digunakan untuk menerangkan sesuatu yang lebih *alegori*. Drama pertama percubaan beliau dalam aliran surrealisme ialah drama “Pelayaran Inderaputra II” yang menyajikan dunia realiti masyarakat dan harapan yang ingin diperoleh pada masa hadapan.

Pendapat Mana Sikana (2006:29), menyatakan drama yang mewakili 1980-an adalah zaman gersang. Hal demikian adalah kerana terdapat kecenderungan dalam kalangan penulis drama untuk kembali ke aliran realisme yang berbentuk drama sejarah atau sandiwara dengan beberapa perubahan. Menurutnya lagi, aliran surrealisme dan absurdisme banyak menggunakan unsur-



unsur teater tradisional, muzik, tarian, nyanyian dan teknik pementasan yang berakar umbi teater Melayu. Antara drama yang dihasilkan dalam aliran absurdisme ialah “Syajar” (1977), “Istiqamah” (1990) dan “Menanti Puteri Hijau” (1991).

Seterusnya, Ismail Kassan menulis drama yang bercorak *new historisme*.

Merujuk Mana Sikana (2013:216), sejarah perkembangan drama di Malaysia bukan sedikit kemajuannya kerana setiap genre menghasilkan teks-teks baharu yang dinamik dan meneroka aliran baharu yang bersifat teks pascamodenistik yang berteraskan tradisi, sejarah dan sosialisasi masyarakat. Hal ini merujuk kepada kebangkitan sastera Melayu atau *renaissance* sebagai lambang jati diri pengarang, bangsa dan negara. Secara tidak langsung mempunyai perkaitan dengan drama-drama yang dikaji. Dalam sepuluh drama kajian ini, pengkaji





mendapati empat buah drama Ismail Kassan bersifat *new historicisme* iaitu “Sabda Sang Pendeta” (1980), “Gelanggang Tuk Wali” (1997), “Kilung Musung” (2001), dan “Kembang Cempaka Sari” (2008).

Merujuk Ismail Kassan (2012:62), pengarang yang berpengetahuan dan berwawasan dapat menjadi obor pencerahan dalam kesedaran intelektual sesebuah bangsa. Mereka menjadi penggerak utama dan penyokong tegar revolusi komunitinya, menyebarluaskan akal dan pemikiran ke dalam jiwa masyarakat untuk berjaya. Sehubungan itu menjelaskan keikhlasan beliau untuk melahirkan generasi berilmu bagi kepentingan diri, bangsa, agama dan negara semakin membara. Bagi A Kadir Jasin (2009:18), golongan penulis memainkan peranan penting sebagai obor untuk menerangi kegelapan iaitu menyampaikan mesej dalam bentuk tersirat, namun pengajaran dan kepentingannya adalah untuk membangunkan minda masyarakat agar celik akal.

Kemunculan Ismail Kassan hampir sama dengan tokoh-tokoh dramatis dekad tujuh puluhan yang lain seperti Noordin Hassan, Dinsman, Johan Jaafar, Mana Sikana dan Hatta Azad Khan (Ismail Kassan, 2012). Dalam Laporan Jawatankuasa Pemilihan S.E.A Write Awards, Ismail Kassan menguasai drama bentuk bukan realisme seperti “Pelayaran Inderaputra”, “Sabda Sang Pendeta”, “Istiqamah” dan “Menanti Puteri Hijau”. Melaluinya, Ismail Kassan menerapkan pemikiran yang tidak disampaikan secara langsung tetapi sebaliknya melalui perlambangan atau simbolisme yang menjadikan karya-karyanya lebih menghampiri surrealisme atau absurdisme. Selepas itu, beliau beralih kepada bentuk realisme atau *non realisme* dalam “Gelanggang Tuk Wali”, “Dejavu





Seorang Perempuan”, “Kilung Musung” dan “Kembang Cempaka Sari”. Kepelbagaian aliran drama yang dicipta telah menarik perhatian pengkaji untuk meneliti drama-drama Ismail Kassan yang bertajuk “Nilai-nilai Intelektual dalam Drama Ismail Kassan”.

1.3 Penyataan Masalah

Calon-calon yang bakal menduduki peperiksaan PMR atau SPM, beranggapan drama KOMSAS adalah sebahagian daripada kriteria untuk lulus peperiksaan sahaja (Talib Samat, 1993:21). Unsur-unsur seperti intelek, emosi, rohani dan jasmani yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) tidak



akan tercapai jika murid-murid tidak menghayati pengajaran sastera dalam Bahasa Melayu. Menurut Zakaria Ariffin (dalam Mana Sikana 1989:11), drama merupakan genre yang paling kurang diberikan perhatian oleh para sarjana atau pengkaji kesusasteraan. Dalam konteks ini, jumlah buku-buku berbentuk kajian terhadap drama yang telah diterbitkan amat sedikit dan tidak sejajar dengan bidang yang terbahagi kepada beberapa aspek yang lebih luas. Murid tidak dapat menikmati dan menghayati karya-karya yang mempunyai nilai-nilai kemanusiaan sekaligus membantutkan hasrat negara untuk mencapai Wawasan 2020.

Lanjutan daripada pelaksanaan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada tahun 2000, terdapat beberapa permasalahan yang perlu dicari jalan penyelesaiannya. Antaranya ialah tahap pemikiran dan minat murid yang berbeza. Dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS, murid berhadapan dengan

